

Fikiran dari Pembaca:

Mulai dari bilangan ini kami adakan sebuah ruangan baru yang dinamakan “Fikiran dari Pembaca”.

Dalam ruangan ini kami isikan buah fikiran yang datang dari seumum para pembaca majalah Qalam yang berada di dalam dan di luar tanah air.

Kepada seumum para pembaca majalah Qalam kami harap agar dapat kiranya dari suatu ke suatu masa memberikan buah fikiran yang berguna, sama ada dari jurusan politik, ekonomi, agama dan masyarakat.

Mahu pun mengenai kemajuan majalah Qalam ini sendiri. – Pengarang.

Fikiran yang pertama:

Fikiran yang pertama kami terima ialah dari seorang pembaca Qalam yang bernama “Muhammad Abdul Hakim Umar”; Nombor 11, Meru Pekan, Klang Selangor.

Di dalam suratnya yang panjang lebar kepada kami, antara lain beliau berkata:

“... Pembeneran penyebaran pengetahuan seks kepada umum melalui akhbar-akhbar, adalah merupakan satu masalah yang merumitkan ditinjau dari segi apa sekali pun, dengan cara langsung atau tidak langsung, terutama dari segi keruntuhan akhlak muda-mudi yang tambah menjadi-jadi dalam masa-masa yang akhir ini, nyatalah bahawa pembeneran dengan secara bebas dan berleluasa itu tidaklah harus dilakukan oleh pihak yang berkuasa.”

Selanjutnya saudara Muhammad Abdul Hakim mengusulkan supaya majalah-majalah dan buku-buku lucah yang diimport dari negeri-negeri Barat yang mendedahkan keburukan dan kebiadaban seks itu, hendaklah segera ditahan kemasukannya ke Malaysia oleh pihak yang berkuasa. “Langkah ini diambil ialah untuk menjaga kemuliaan dan kesucian agama rasmi (agama Islam – P.) negeri ini dari tersinggung.

Tambahan pula kaum-kaum yang bukan Islam dalam Malaysia ini, sudah pun sama-sama satu pendapat dengan orang-orang Islam, memintak supaya pihak kerajaan segera mengharamkan majalah-majalah atau buku-buku yang akan merosakkan akhlak dan budi pekerti masyarakat pemuda-pemudi di negeri ini”; tegas saudara Muhammad Abdul Hakim.

“Tetapi, (sambung saudara Muhammad Abdul Hakim lagi), nyatalah bahawa suara-suara laungan yang seperti itu, hanya sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan langkah-langkah pengharamannya sengaja diperlambat-lambatkan hingga berlarut dua atau tiga tahun, dengan alasan untuk mengkaji soal pengharamannya itu; hal ini sama seperti langkah kerajaan hendak mengusir Alex Josey¹ dahulu, yang mana pengusiran itu dilakukan setelah keruncingan kedudukan kaum di Malaysia hampir-hampir seperti keadaan retak menunggu belah, dan setelah peristiwa pemisahan Singapura dari Tanah Besar Malaysia berlaku. Itulah dia akibat buruk yang menimpa kerajaan dari sebab melambat-lambatkan tuntutan pengharaman sesuatu perkara yang sudah patut diharamkan menurut pandangan rakyat.”

Sewaktu kembali memperkatakan soal seks, maka saudara Muhammad Abdul Hakim berkata pula: “Hendaknya pengharaman sumber-sumber seks lucah yang

¹ Alex Josey – seorang wartawan politik, kawan baik kepada Lee Kuan Yew

sentiasa menyebarkan bibit-bibit keburukan di Malaysia ini, mestilah dikuatkuasakan, kerana tuntutan tentang pengharaman ke arah itu sudah terlalu banyak dan terlalu lama dilaung-laungkan oleh rakyat yang ingin melihat masyarakat dalam negara mereka bersih dan suci dari segala kenodaan seks yang lucah.”

Dalam memperkatakan soal filem-filem lucah yang dipenuhi dengan babak-babak asmara yang meluat dan menjolok mata, maka saudara Muhammad Abdul Hakim berkata lagi: “Filem-filem yang mengandungi pemandangan-pemandangan separuh bogel yang bercorak lucah itulah yang menimbulkan pelacuran dalam negeri ini, dan menggalakkan belia-belia liar dan pemuda-pemudi tahī khalwat melakukan sesuatu perbuatan yang dianggap sumbang; yang mana pengharaman-pengharaman yang dijalankan ke atas kaum pelacur dan menangkap pemuda-pemudi liar tahī khalwat itu, tidak akan merupakan suatu kejayaan yang sebenarnya dalam usaha menghapuskan perbuatan-perbuatan maksiat dalam masyarakat di negeri ini. Kerana kejayaan menghapuskan pelacuran itu boleh dikatakan hanya kejayaan buat sementara waktu, atau dengan perkataan yang lebih tepat kejayaan yang timbul tenggelam sahaja; yang ditangkap satu, yang muncul seribu. Inilah corak kemaksiatan yang telah berlaku, sedang berlaku dan mungkin akan terus berlaku, selagi penyekatan dan langkah-langkah pengharaman ke jurusan itu masih mahu dilambat-lambatkan oleh pihak yang berkuasa.”

Di antara akhbar-akhbar kebangsaan Melayu yang telah dikecam hebat oleh saudara Muhammad Abdul Hakim, lantaran selalu banyak menyebarkan cerita-cerita dan rencana-rencana seks lucah ialah akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh syarikat percetakan Utusan Melayu. Di antara lain-lain beliau berkata:

“... Nampaknya syarikat akhbar Utusan Melayu sedang dihinngap oleh satu jenis penyakit seks yang kronis²; sebab tidak lama dahulu di akhbar

Utusan Melayu ada satu ruangan seks, yang dikhaskan untuk membuat rencana-rencana yang bercorak seks dari penulis-penulis Barat, dan ada kedapatan dari tulisan-tulisan itu mengesahkan perlakuan-perlakuan seks penulis dengan perempuan-perempuan sundal dalam satu peperangan (Perang Dunia II), dan ada pula yang mengkisahkan perlakuan-perlakuan antara ashkar-ashkar³ Inggeris dengan perempuan-perempuan Jepun ketika berlakunya peperangan di antara Jepun dengan Amerika dahulu.

Tetapi tidak lama kemudian ruangan itu telah hilang ghaib dari muka akhbar Utusan Melayu itu; rupa-rupanya keghaibannya itu adalah hasil dari teguran pihak pembaca yang membangkangi kewujudan ruangan itu. Setelah tidak berapa lama hilanglah ruangan itu; kemudian timbul kembali ruangan seks seperti itu; tetapi karangan dari sidang pengarang Utusan Melayu sendiri, kemudian perkara itu telah terheret ke Dewan Parliment dan kemudian berhentilah ruangan tersebut berikutan dengan adanya teguran dari pihak atasan.

Tetapi ruangan tersebut muncul lagi dalam “Mingguan Malaysia”, - sebuah akhbar mingguan kepunyaan Syarikat Utusan Melayu juga - . Ini nampaknya syarikat itu tidak dapat mengelakkan dirinya daripada menerbitkan ruangan yang bercorak seks itu, dan nampaknya syarikat itu mulai main “otek-otek” dengan rakyat dan orang ramai, kerana ruangan yang menjadi kemarahan kepada orang-orang yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi itu sekejap ditimbulkan dan sekejap ditenggelamkan; sekejap dialihkan ke akhbar lain sesuai dengan kemajuan nafsu tamak, supaya kelarisan akhbar itu tidak terganggu dengan tidak mahu mengira kesan-kesan buruk yang akan menjalar ke jiwa masyarakat umum.

Kalau beginilah caranya syarikat itu melariskan akhbarnya dengan melucahkan seluruh masyarakat Malaysia,

² tidak mudah hilang atau sembuh (bukan penyakit), berlarutan, kronik.

³ Perkataan sebenarnya adalah askar-askar.

khususnya masyarakat Islam; maka tembelang busuk sentimen menguntungkan kelarisan akhbar keluaran syarikat itu, akan tertulis dengan darah hitam dalam sejarah kebangkitan Muslimin Malaysia dan kemerdekaan bangsa Melayu yang beragama Islam, dan dengan itu slogan akhbar itu yang berbunyi: “Berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air”, akan merupakan satu slogan yang akan dianggap oleh rakyat slogan mengkhianati kewujudan slogan itu sendiri, dan dengan perkataan yang lebih tegas; bahawa slogan itu tidak mempunyai makna apa-apa langsung.” Begitulah bunyi suara saudara Muhammad Abdul Hakim Umar menutup kata-kata kritiknya terhadap kerajaan dan syarikat percetakan Utusan Melayu mengenai soal seks.

Kepada pihak kerajaan dan juga terhadap syarikat percetakan Utusan Melayu, kita berharap mengambil perhatian berat di atas kritik atau teguran membina yang telah dibentangkan oleh saudara Muhammad Abdul Hakim Umar itu. – Pengarang.

Fikiran yang kedua.

Mengenai majalan Qalam kami ada menerima satu teguran yang juga kami anggap teguran itu adalah satu teguran yang membina. Demi untuk kemajuan dan kelicinan perjalanan majalah Qalam dari suatu ke suatu masa. Teguran itu datangnya dari saudara Ibrahim Fahmi, Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang. Di dalam sepucuk surat khasnya kepada kami antara lain beliau berkata:

“... Suatu perkara yang saya kira baik mendapat perhatian dari pihak Qalam ialah tentang kandungan dan isi-isi majalah tersebut. Saya dapati Qalam di hari ini tidak lagi seperti dahulu; amat kekurangan artikel-artikel yang berjiwa dimuatkan. Boleh dikatakan langsung tidak ada penulis-penulis tanah air yang menyumbangkan artikel-artikel

mereka ke dada majalah Qalam. Qalam yang dulunya begitu maju, kini telah menurun.

Alangkah menggembirakan, seandainya Qalam dapat diubah segala keadaannya supaya betul-betul berjiwa dan mendapat tempat di dalam masyarakat dengan sebaik-baiknya. Di manakah terletaknya kelemahan-kelemahan Qalam? Mungkin pihak penyelenggaranya sendiri telah dapat memahaminya dan dapat melihatnya. Amatlah besar harapan saya moga-moga Qalam dapat berjiwa radikal kembali, terima kasih. – Ibrahim Fahmi.

Saudara Ibrahim Fahmi:

- Segala kelemahan-kelemahan yang ada di dalam majalah Qalam memang sudah lama kami sedari. Tetapi walau bagaimana pun Qalam yang bercorak seperti sekarang ini masih banyak diminati oleh para pembacanya dari seluruh Nusantara; dan selain dari itu banyak kami terima surat-surat dari para pembaca yang berada di dalam dan di luar tanah air, meminta supaya majalah Qalam yang bercorak agama dan berani berterus-terang di dalam segala hal supaya dikekalkan terus seperti biasa. Dalilnya kalau Qalam tidak banyak peminat-peminat dan para pembacanya, kami percaya majalah ini sudah lama terkubur.

Meskipun demikian kami tetap menerima dan melayani serta memputimbankan⁴ segala teguran-teguran yang dikemukakan oleh para pembaca yang ingin melihat penerbitan majalah Qalam kekal abadi dan terus maju.

Maka mulai dari bilangan ini kami cuba mengisi halaman majalah Qalam dengan beberapa ruangan baru yang kami anggap akan menggembirakan seumum para pembaca yang mencintainya. Di antaranya ruangan Drama Islam, Tokoh Pejuang-pejuang Arab, Peribahasa Arab dan dan Ruangan Fikiran dari Pembaca ini. Hendaknya segala perubahan-perubahan yang sedang kami lakukan dengan secara beransur-ansur ini akan mendapat sambutan baik dari peminat-peminat majalah Qalam.

Pengarang.

⁴ Perkataan sebenarnya adalah mempertimbangkan.